

**Polis akan siasat bagaimana WSJ dapat dokumen bank**  
**The Malaysian Insider**  
**July 8, 2015**  
**Oleh Muzliza Mustafa**

Polis akan menyiasat akhbar perniagaan antarabangsa The Wall Street Journal (WSJ) bagaimana ia menerima maklumat tentang AS\$700 juta (RM2.67 bilion) dipindahkan ke akaun peribadi Datuk Seri Najib Razak.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, mereka akan menyiasat bagaimana maklumat perbankan sulit dan dokumen diperolehi akhbar tersebut.

"Tindakan sebegini boleh mengancam ekonomi negara. Ia sama seperti sabotaj ekonomi," kata Khalid selepas melancarkan kempen keselamatan jalan raya di Kuala Lumpur hari ini.

"Kami akan siasat kesemuanya. Pegawai bank, bank terlibat dalam siasatan termasuk WSJ. Ini perkara serius."

Najib kini berdepan krisis selepas dakwaan menerima hampir AS\$700 juta (RM2.67 bilion) melalui akaun peribadinya beberapa bulan menjelang pilihan raya umum pada 2013.

Dakwaan itu dikeluarkan akhbar The Wall Street Journal (WSJ) minggu lalu.

Semalam, WSJ turut mendedahkan aliran wang berkenaan bagi menyokong dakwaan mereka walaupun Najib sebelum ini menafikan perkara itu.

Peguam kepada Najib juga sudah memulakan tindakan undang-undang terhadap WSJ.

Pasukan petugas khas yang menyiasat dakwaan tersebut dilaporkan sudah membekukan 6 akaun bank. – 8 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/polis-akan-siasat-bagaimana-wsj-dapat-dokumen-bank>